

# Jun Hoong dapat RM25,000

➔ Kerajaan Perak harap atlet terjun terus cipta kejayaan

**Oleh Shamsul Kamal Amarudin**

shaka@bh.com.my

► Ipoh

**K**erajaan Perak memberi insentif RM25,000 kepada atlet terjun negara, Cheong Jun Hoong atas kejayaannya memenangi pingat emas acara 10 meter platform wanita pada Kejohanan Akua-tik Dunia FINA di Budapest, Hungary, Khamis lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata insentif itu sebagai menghargai sumbangan yang dilakukan anak kelahiran Perak itu dalam mengharumkan nama negara.

“Saya difahamkan beliau bakal menerima insentif RM80,000

daripada Majlis Sukan Negara (MSN) di atas kejayaan itu dan kerajaan Perak akan menambah lagi RM25,000 kepadanya.

“Sebelum ini, Jun Hoong sudah menerima sebuah rumah daripada kerajaan negeri atas kejayaannya memenangi pingat perak dalam Sukan Olimpik Rio tahun lalu,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO kerajaan negeri di sini semalam.

## Cipta sejarah

Zambry berkata, beliau dan kerajaan negeri mengucapkan tahniah di atas kejayaan atlet terjun itu dan berharap beliau dapat mencipta lebih banyak kejayaan pada masa depan.

Jun Hoong mencipta sejarah menjadi atlet pertama negara

pingat emas dalam acara sirkit dunia itu, selain turut memenangi gangsa untuk acara 10 meter platform seirama wanita bersama Pandelega Rinong.

Atlet kelahiran Ipoh berusia 27 tahun itu memenangi emas selepas memungut 397.50 mata selepas lima terjunan menewaskan bekas juara dunia Si Yajie (China) yang sekadar berpuas hati dengan perak apabila meraih 396.00 mata.


Rakan sepasukan Yajie, Ren Qian yang meraih emas di Sukan Olimpik Rio tahun lalu apabila meraih gangsa.

Pada Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil tahun lalu, Jun Hoong bersama Pandelega mencipta sejarah memenangi perak acara 10 meter platform seirama wanita.



Sebelum ini, Jun Hoong sudah menerima sebuah rumah daripada kerajaan negeri atas kejayaannya memenangi pingat perak dalam Sukan Olimpik Rio tahun lalu”

**Dr Zambry Abd Kadir,**  
Menteri Besar Perak



Jun Hoong meraikan kejayaan meraih emas acara 10 meter platform di Budapest.